

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk menilai keberkesanan dan kefahaman pelaksanaan *Quality Improvement Team (QIT)* di Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu. Kajian keberkesanan dan kefahaman ini dipecahkan kepada komponen-komponen keberkesanan iaitu: Penglibatan ahli dalam setiap program yang dijalankan, gaya perhubungan di kalangan ahli secara profesional, kefahaman matlamat pasukan, kesepaduan dalam merumus keputusan dan kreativiti setiap ahli yang terdapat dalam QIT. Faktor-faktor tambahan yang dikaji adalah tanggapan setiap ahli pasukan berkenaan keberkesanan mencapai matlamat kepada kumpulan sasaran dalam melaksanakan program yang telah dirangka oleh Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah sendiri. Sejumlah 89 ahli QIT yang terbahagi kepada dua kategori iaitu QIT Sekolah Menengah dan QIT Sekolah Rendah telah melengkapkan soal selidik yang telah diedarkan. Jumlah keseluruhan ahli QIT dalam PPD Kota Bharu ialah 130 orang yang kesemuanya terdiri daripada Pengetua dan Guru Besar. Kajian telah menggunakan instrumen yang diubahsuai daripada *Professional Development Program, Rockefeller College of Public Affairs*. Data yang diperolehi telah dianalisa menggunakan Program SPSS. Dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang ketara di antara penglibatan, kefahaman matlamat, kualiti perhubungan, membuat keputusan antara ahli dalam sesebuah QIT ataupun antara QIT Sekolah Menengah dan QIT Sekolah Rendah walaupun setiap QIT mempunyai kumpulan sasaran yang berbeza.